

NO. SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7628**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Prof. Azizah Kassim dalam seminar bertajuk *Nations Dilemma: Challenges of Illegal workers in Malaysia* di UKM pada 15 Disember 2014 merumuskan Program 6P tidak berkesan dan gagal menepati sasarannya. Adakah Kerajaan bercadang untuk menjemput semua pihak yang berkepentingan memberikan input dan pandangan agar program-program sedemikian dapat diteruskan dan mencapai matlamat bagi memastikan negara bebas daripada masalah ini yang terlalu lama tidak selesai.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kenyataan Prof. Azizah Kassim dalam seminar bertajuk *Nations Dilemma: Challenges of Illegal Workers in Malaysia* di UKM pada 15 Disember 2014 yang merumuskan bahawa Program 6P tidak berkesan dan gagal menepati sasarannya adalah bertentangan dengan impak positif yang diperolehi oleh Kerajaan melalui pelaksanaan Program 6P.

Program 6P yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun 2011 yang lalu adalah merupakan satu agenda negara yang melibatkan semua peringkat di mana pendekatan yang komprehensif dan holistik digunakan bagi merealisasikan '*national agenda*' ini. Pelaksanaan Program Penyelesaian Menyeluruh (*Total Package Solution*) dan merupakan program 'one-off' melibatkan enam proses iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran.

**Matlamat utama pelaksanaan Program 6P adalah untuk:**

- (i) Mendapatkan rekod jumlah pekerja asing sah dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada dalam negara. Melalui Proses Pendaftaran, Kerajaan dapat mengenal pasti negara asal mereka, keberadaan mereka di negara ini, data majikan dan sektor di mana mereka bekerja;

- (ii) Memastikan PATI yang berdaftar semasa Proses Pendaftaran, Program 6P diputihkan dan dibenarkan bekerja secara sah di Malaysia bagi tempoh 3 tahun bagi sektor yang dibenarkan dan 2 tahun bagi sektor beku dan luar dasar; dan
- (iii) Persediaan kepada PATI untuk pulang ke negara asal. Malahan, tempoh tersebut bertujuan untuk memberi ruang kepada majikan membuat persediaan dan perancangan sumber manusia supaya operasi perniagaan mereka tidak terjejas selepas pekerja mereka dihantar pulang setelah tamat tempoh penggajian di bawah Program 6P.

Impak positif yang diperolehi oleh Kerajaan melalui pelaksanaan Program 6P adalah seperti mana berikut:

- (i) Maklumat pendaftaran 6P ini boleh membantu Kerajaan untuk merangka program dan aktiviti bagi membanteras aktiviti pemedagangan manusia serta jenayah rentas sempadan (*transnational crimes*);
- (ii) Keupayaan Kerajaan untuk mengumpul data berhubung anggaran jumlah PATI yang berada di dalam negara serta butiran tentang keberadaan PATI mengikut pecahan warganegara, aktiviti ekonomi, umur, jantina dan sebagainya. Di bawah Proses Pendaftaran seramai 1,303,126 PATI telah berjaya didaftarkan bersama maklumat keberadaan terkini mereka semasa berdaftar;

- (iii) Pengambilan data biometrik yang dilaksanakan semasa Proses Pendaftaran secara tidak langsung telah membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing serta meningkatkan kawalan keselamatan negara;
- (iv) Menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;
- (v) Seramai 387,430 PATI telah pulang ke negara asal dan kos yang terlibat dalam penghantaran pulang melalui proses pengampunan di bawah program 6P ditanggung oleh PATI tersebut;
- (vi) Seramai 521,734 PATI telah diputihkan dan memenuhi keperluan industri yang mendesak pada masa ini berdasarkan sektor-sektor ekonomi tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru;
- (vii) Menangani isu kutipan levi ke atas majikan yang menggaji PATI di mana sebelum ini Kerajaan tidak dapat mengutip bayaran levi ke atas majikan yang telah menggunakan PATI dan menjana hasil pendapatan negara. Sebanyak RM629,065,191 hasil levi telah berjaya dikutip di bawah Program 6P dan dijangka ianya dapat dikutip bagi dua atau tiga tahun lagi berdasarkan tempoh penggajian yang dibenarkan di bawah program ini; dan

**Kerajaan amat berbesar hati dan mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan penambahbaikan daripada semua pihak terutamanya berhubung pengurusan pekerja asing di Malaysia. Ini bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dan keperluan guna tenaga oleh pihak industri dapat dipenuhi tetapi dalam masa yang sama tidak mengenepikan keselamatan dan ketenteraman.**